A

PP lwn. REDZOHAN ABDULLAH & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHD AZMAN HUSIN H
[SEMAKAN JENAYAH NO: 43-9-12-2014 & 43-10-12-2014]
21 JANUARI 2015

B

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan – Kesahan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen – Pesalah muda dijatuhkan hukuman penjara dan sebatan dengan rotan nipis – Sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk memberikan hukuman penjara dan pada masa yang sama menggunapakai peruntukan s. 293(1)(c) Kanun Tatacara Jenayah – Sama ada hukuman sebatan boleh dilaksanakan di mahkamah terbuka – Sama ada hukuman penjara harus diketepikan*

C

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Pesalah muda – Kesahan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen – Hukuman penjara dan sebatan dengan rotan nipis – Sama ada hukuman sebatan mematuhi peruntukan s. 287 Kanun Tatacara Jenayah – Sama ada hukuman sebatan boleh dilaksanakan di mahkamah terbuka*

D

Kedua-dua responden merupakan pesalah muda dan telah dituduh di bawah s. 395/397 Kanun Keseksaan ('Kanun') bagi kesalahan merompak dengan menggunakan senjata. Pada masa kesalahan, responden pertama berumur 20 tahun manakala responden kedua berumur 18 tahun. Kedua-dua responden telah mengaku bersalah dan Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') telah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dan lapan kali sebatan dengan rotan nipis bagi responden pertama dan hukuman penjara satu setengah tahun dan tujuh kali sebatan dengan rotan nipis bagi responden kedua. Hukuman sebatan dijatuhkan terhadap mereka mengikut peruntukan s. 293(1)(c) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan telah dilaksanakan di mahkamah terbuka. Rekod prosiding asal telah dikemukakan bagi semakan mahkamah di bawah s. 327 KTJ untuk menentukan ketepatan dapatan keputusan dan hukuman yang dijatuhkan oleh HMS. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah (i) sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk menjatuhkan hukuman penjara dan pada masa yang sama, menggunapakai peruntukan s. 293(1)(c) KTJ; (ii) sama ada hukuman sebatan adalah sah; dan (iii) sama ada hukuman sebatan dengan rotan nipis boleh dilaksanakan di mahkamah terbuka.

E

F

G

H

Diputuskan (mengenepikan hukuman penjara; mengekalkan hukuman sebatan):

(1) Hakim Mahkamah Sesyen tidak boleh menggunapakai peruntukan s. 293(1)(c) KTJ dan pada masa yang sama menjatuhkan hukuman penjara terhadap kedua-dua responden tersebut. Perintah di bawah s. 293 KTJ merupakan satu pilihan kepada mahkamah bagi mengelakkan pesalah-pesalah muda seperti responden-responden dihantar ke penjara dan bercampur dengan pesalah-pesalah dewasa yang lain. (perenggan 6)

I

(2) Mahkamah hanya boleh mengenakan sama ada hukuman penjara menurut s. 395/397 Kanun atau secara alternatif, mengenakan sebatan dengan rotan nipis menurut s. 293(1)(c) KTJ. Peruntukan s. 293(1) KTJ perlu berdiri dengan sendirinya dan mahkamah tidak boleh mencampur aduk hukuman yang diperuntukkan di bawah s. 395/397 Kanun dan kemudiannya mengenakan perintah-perintah lanjutan atau pilihan yang lain di bawah s. 293(1) KTJ. Justeru, hukuman sebatan ringan yang dilaksanakan oleh HMS adalah tidak sah dan bertentangan dengan peruntukan undang-undang. (perenggan 6 & 7)

(3) Hukuman sebatan dengan rotan yang nipis atau ringan boleh dilaksanakan terhadap pesalah muda di mahkamah terbuka dengan syarat bahawa peruntukan di bawah s. 287 KTJ dipatuhi. HMS telah mengambilkira dan memastikan prosedur sebatan rotan yang dilaksanakan di mahkamah terbuka mematuhi peruntukan undang-undang yang ditetapkan. Oleh itu, hukuman sebatan dengan rotan nipis yang dikenakan ke atas kedua-dua responden dikekalkan dan dianggap dilaksanakan. (perenggan 9 & 11)

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. A Juvenile [1990] 1 CLJ 968; [1990] 2 CLJ (Rep) 669 HC ***(dirujuk)***
PP v. Wahab [1964] 1 LNS 150 HC ***(dibezakan)***
Teo Siew Peng & 4 Ors v. PP [1984] 1 LNS 71 HC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Child Act 2001, s. 2
Criminal Procedure Code, ss. 2, 7, 286, 287, 293(1)(c), 294, 323, 327, 395, 397

Bagi pihak pendakwaan - Norazlin Mohammad Yusof; TPR
Bagi pihak responden pertama - Chong Yin Xin; T/n Thong Seng Kong
Bagi pihak responden kedua - Maizatul Amirah; T/n Kelvin Sidhu

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Mohd Azman Husin H:

Latar Belakang Kes

[1] Saya telah memanggil rekod prosiding asal melibatkan kes terhadap responden-responden di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah. Rekod prosiding asal melibatkan responden-responden telah dikemukakan kepada saya untuk melaksanakan kuasa semakan bagi menentukan ketepatan, keesahan atau kesesuaian dapatan keputusan dan juga hukuman yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen dalam dua kes yang melibatkan responden-responden. Setelah menyemak rekod prosiding asal, saya mendapati seperti berikut:

Responden pertama adalah seorang pesalah muda telah dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah 5 Kuala Lumpur atas pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama dua orang lagi yang masih bebas pada 31/01/2014 jam lebih kurang 0330hrs bertempat di Kedai 24 jam KK Mart Batu 2 ½ Jalan Ipoh, Kuala Lumpur di dalam daerah Sentul, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan rompak berkumpulan dengan bersenjatakan parang terhadap Martin anak Iyan bernombor kad pengenalan 771113-13-5653 dengan merompak kad pengenalan 771113-13-5653, telefon bimbit Samsung Dous, Samsung Tab dan wang tunai RM 300/=. Oleh yang demikian itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 395/397 Kanun Keseksaan.

Responden kedua juga seorang pesalah muda telah dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah 5 Kuala Lumpur atas pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama seorang lagi yang masih bebas pada 24/11/2013 jam lebih kurang 0624hrs bertempat di Kedai Internet Hyper Enterprise C-38&40, Plaza Usahawan Genting Klang, Setapak, Kuala Lumpur, di dalam Daerah Sentul, Dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan dengan niat dan tujuan bersama telah melakukan rompak ke atas satu lelaki Cina bernama Teo Len Hoo KP 530201-10-5115 iaitu wang tunai RM 418.00 dengan sebatang kayu sebagai senjata. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 395/397 Kanun Keseksaan.

Hukuman: Penjara boleh sampai dua puluh (20) tahun dan bolehlah juga dikenakan sebatan.

[2] Kedua-dua responden telah mengaku bersalah dan faham segala sifat dan akibat pengakuan bersalah bagi pertuduhan tersebut. Bagi responden pertama, Tuan Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dari tarikh tangkap (6 Februari 2014) dan sebatan lapan kali dengan rotan nipis mengikut peruntukan s. 293(1)(c) Kanun Tatacara Jenayah di dalam mahkamah terbuka. Tarikh jatuh hukum adalah pada 21 Ogos 2014 dan pelaksanaan hukuman sebatan telah dilaksanakan di mahkamah terbuka, Mahkamah Sesyen Jenayah 5 pada 18 November 2014.

[3] Manakala bagi responden kedua, Tuan Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara satu setengah tahun dari tarikh tangkap (24 November 2013) dan sebatan tujuh kali dengan rotan nipis mengikut peruntukan s. 293(1)(c) Kanun Tatacara Jenayah di dalam mahkamah terbuka. Tarikh jatuh hukum adalah pada 4 September 2014 dan pelaksanaan hukuman sebatan telah dilaksanakan di mahkamah terbuka, Mahkamah Sesyen Jenayah 5 pada 18 November 2014.

Isu-Isu

(i) Sama ada hukuman sebatan dengan rotan nipis yang dilaksanakan terhadap kedua-dua responden di bawah peruntukan s. 293(1)(c) Kanun Tatacara Jenayah sedangkan mereka telah dihukum dengan hukuman penjara adakah sah?

(ii) Sama ada hukuman sebatan dengan rotan nipis itu boleh dilaksanakan di mahkamah terbuka?

Dapatan Mahkamah

[4] Mengenai isu 1, Tuan Hakim Mahkamah Sesyen telah merujuk dan menggunapakai peruntukan s. 293(1)(c) Kanun Tatacara Jenayah dan menjatuhkan hukuman sebatan dengan rotan nipis (light cane) terhadap kedua-dua responden.

[5] Seksyen 293(1)(c) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan:

> (1) When any youthful offender is convicted before any Criminal Court of any offence punishable by fine or imprisonment, the Court may, instead of awarding any term of imprisonment in default of payment of fine or passing a sentence of imprisonment:
>
> (a) Order the offender to be discharged after due admonition if the Court shall think fit;
>
> (b) Order the offender to be delivered to his parent or to his guardian or nearest adult relative or to such other person as the Court shall designate on such parent, guardian, relative or other person executing a bond with or without surety or sureties, as the Court may require, that he will be responsible for the good behavior of the offender for any period not exceeding twelve months or without requiring any person to enter into any bond make an order in respect of the offender ordering him to be a good behavior for any period not exceeding two years and containing any directions to that offender in the nature of the conditions referred to in paragraphs 294A(a), (b) and (c), which the Court shall think fit to give;
>
> (c) Order the offender, if male, to be whipped with not more than ten strokes of light cane or rattan within the Court premises and in the presence, if he desires to be present, of the parent or guardian of that offender;
>
> (d) ...;
>
> (e) ...

Kedua-dua responden merupakan pesalah muda (youthful offender) di mana responden pertama semasa kejadian berumur 20 tahun (tarikh lahir 16 Januari 1994) dan responden kedua berumur 18 tahun lebih (tarikh lahir 15 Februari 1995). Seksyen 2 Kanun Tatacara Jenayah memberi tafsiran

A "youthful offender" "means a person convicted of an offence punishable by fine or imprisonment who is of or above the age of 18 and below the age of 21". Jadi, adalah disahkan kedua-dua responden merupakan pesalah muda sepertimana tafsiran tersebut.

B **[6]** Persoalannya adakah mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk memberikan hukuman penjara seperti yang diperuntukkan di bawah s. 395 Kanun Keseksaan dan dalam masa yang sama menggunapakai peruntukan di bawah s. 293(1)(c) Kanun Tatacara Jenayah? Jika diteliti daripada peruntukan tersebut adalah jelas menyatakan sekiranya mahkamah berpendapat bahawa suatu hukuman denda ataupun penjara adalah tidak C sesuai sebagai hukuman terhadap pesalah muda, mahkamah boleh mempertimbangkan pilihan yang lain iaitu peruntukan sama ada di bawah s. 293 atau s. 294 Kanun Tatacara Jenayah. Saya berpendapat di dalam kes ini, Tuan Hakim Mahkamah Sesyen tidak boleh menggunapakai peruntukan s. 293(1)(c) apabila dalam masa yang sama beliau juga telah menjatuhkan D hukuman penjara kepada kedua-dua responden tersebut. Perintah-perintah di bawah s. 293 ini merupakan satu pilihan kepada mahkamah bagi mengelakkan pesalah-pesalah muda seperti responden-responden ini dihantar ke penjara dan bercampur dengan pesalah-pesalah dewasa yang lain. Rujuk kepada kes *Teo Siew Peng & 4 Ors v. PP* [1984] 1 LNS 71; [1985] 2 MLJ 125 E di ms. 126 perenggan 2 kiri. YA Hakim Tan Chiaw Thong menjelaskan bahawa:

> ... In this connection, section 293(1) Criminal Procedure Code empowers a criminal court instead of awarding any term of imprisonment in default of payment of fine or passing a sentence of imprisonment upon a youthful F offender, to deal with such convicted offender in the manner prescribed therein. If the convicting court had acted under this section, there would have been no doubt, in my opinion, that only one type of sentence prescribed there-under may be imposed, as the sentences are specified in the alternative. That is clear by the use of the word "or" and in my view, in the context in which the word "or" is used, it could not be so construed G as to means "and".

[7] Dengan menggunapakai prinsip di dalam kes di atas, pihak mahkamah tidak boleh menjatuhkan hukuman penjara seperti diperuntukkan di bawah s. 395/397 dan dalam masa yang sama menggunapakai peruntukan di bawah s. 293(1)(c) untuk menjatuhkan hukuman sebatan ringan terhadap kedua-dua H responden tersebut. Peruntukan s. 293(1) perlu berdiri dengan sendirinya dan mahkamah tidak boleh mencampur aduk hukuman yang diperuntukkan di bawah s. 395/397 Kanun Keseksaan dan kemudiannya memberikan perintah-perintah lanjutan atau pilihan yang lain di bawah s. 293(1) Kanun Tatacara Jenayah. Menurut nota prosiding asal yang direkodkan oleh Tuan I Hakim Mahkamah Sesyen, semua pihak iaitu pendakwaan, pembelaan dan mahkamah telah bersetuju dan telah ada "plea bargaining" untuk menggunapakai peruntukan s. 293(1)(c) tersebut. Namun dari peruntukan

s. 293(1) Kanun Tatacara Jenayah dan keputusan kes *Teo Siew Peng (supra)*, ianya adalah tidak sah. Oleh itu saya berpendapat hukuman sebatan ringan yang dilaksanakan oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen terhadap kedua-dua responden tersebut adalah tidak sah dan bertentangan dengan peruntukan undang-undang. Jelasnya peruntukan di bawah s. 293(1) Kanun Tatacara Jenayah boleh digunakan secara alternatif tanpa diberikan hukuman penjara atau denda. Mahkamah yang membicarakan hanya boleh mengenakan sama ada hukuman penjara menurut peruntukan s. 395/397 Kanun Keseksaan atau secara alternatif mengenakan sebatan dengan rotan nipis sahaja menurut s. 293(1)(c) Kanun Tatacara Jenayah.

[8] Mengenai isu kedua, kedua-dua responden adalah pesalah muda. Responden pertama berumur 20 tahun 15 hari semasa kesalahan dilakukan. Tarikh kesalahan dilakukannya adalah pada 31 Januari 2014 dan tarikh lahirnya adalah 16 Januari 1994. Manakala responden kedua berumur 18 tahun sembilan bulan dan sembilan hari semasa kesalahan dilakukan. Tarikh kesalahan pada 24 November 2013 dan tarikh lahirnya adalah 15 Februari 1995.

[9] Hukuman sebatan dengan rotan yang nipis atau ringan boleh dilaksanakan terhadap pesalah muda di mahkamah terbuka dengan syarat peruntukan s. 287 Kanun Tatacara Jenayah dipatuhi. Seksyen 7 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan "The Place in which any criminal Court is held for the purpose of inquiring or trying any offence shall be deemed an open and public Court to which the public generally may have access".

[10] Dalam kes ini, Tuan Hakim Mahkamah Sesyen telah mengambilkira dan memastikan prosedur sebatan rotan yang dilaksanakan di mahkamah terbuka itu mematuhi peruntukan undang-undang yang ditetapkan iaitu:

(i) Tiada sebarang notis rayuan difailkan terhadap hukuman selepas tempoh membuat rayuan tamat;

(ii) Hukuman sebatan itu dilaksanakan oleh pegawai penjara (Kajang) yang mempunyai autoriti.

(iii) Pegawai perubatan mengesahkan tahap dan keadaan kesihatan kedua-dua pesalah muda (responden-responden) adalah baik. (*PP v. Wahab* [1964] 1 LNS 150; [1964] MLJ 265).

(iv) Sebatan yang dijalankan adalah dengan menggunakan rotan nipis (light cane) sahaja. (Seksyen 288(4) Kanun Tatacara Jenayah).

(v) Hukuman sebatan tersebut dijalankan di mahkamah terbuka. (Seksyen 286 Kanun Tatacara Jenayah). Mahkamah bermaksud mahkamah terbuka (s. 7 Kanun Tatacara Jenayah).

Dalam kes *PP v. A Juvenile* [1990] 1 CLJ 968; [1990] 2 CLJ (Rep) 669; [1990] 3 MLJ 117, hukuman sebatan ke atas kanak-kanak (juvenile umur 18 tahun ke bawah) tidak boleh dilaksanakan di mahkamah terbuka dan tidak boleh

dilaksanakan oleh Majistret. Kes kanak-kanak perlu dibezakan dengan pesalah muda. Kanak-kanak atau dulu dipanggil "juvenile" adalah mereka yang berumur 18 tahun ke bawah. (Seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001). Pesalah muda adalah mereka yang berumur 18 tahun ke atas dan di bawah umur 21 tahun (s. 2 Kanun Tatacara Jenayah). Kes *PP v. Wahab (supra)* boleh dibezakan mengenai erti mahkamah terbuka.

Semakan Mahkamah

[11] Berdasarkan dapatan mahkamah di perenggan C di atas, saya menyemak keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen menurut s. 327 Kanun Tatacara Jenayah. Keputusan penjara yang dikenakan oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen terhadap kedua-dua responden diketepikan. Hukuman sebatan dengan rotan nipis dikekalkan dan hukuman yang dikenakan ke atas kedua-dua responden dianggap dilaksanakan.